



BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN VIDEO SINGKAT (TELEFON PINTAR/SMARTPHONE) SARAWAK CEMERLANG 2020

1. MAKLUMAT PESERTA

NAMA PESERTA :

**NO KAD
PENGENALAN** :

NO TELEFON (HP) :

**ALAMAT SURAT -
MENYURAT** :

.....

.....

2. PENGESAHAN

Dengan ini saya bersetuju dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

TANDATANGAN PESERTA

NAMA :

TARIKH :

Nota :

Borang penyertaan yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan semula kepada pihak kami beserta **video dalam format MP4/AVI** yang ingin dipertandingkan selewat-lewatnya pada **Ahad, 23 Ogos 2020** melalui *emel kepada pihak **KOMITI PERTANDINGAN VIDEO SINGKAT (TELEFON PINTAR/SMARTPHONE)** **SARAWAK CEMERLANG 2020** : videosingkatpustanegeri2020@gmail.com

* Sila rujuk format penghantaran pada Terma Dan Syarat No.18



TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN VIDEO SINGKAT (TELEFON PINTAR/SMARTPHONE) SARAWAK CEMERLANG 2020

MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini dianjurkan oleh **Pustaka Negeri Sarawak**.
2. Pertandingan video singkat (telefon pintar/smartphone) terbuka kepada **WARGANEGARA MALAYSIA** yang **BERMASTAUTIN DI SARAWAK** sahaja.
3. Penyertaan pertandingan adalah **PERCUMA**.

SYARAT PERTANDINGAN

- 1 Video yang dihasilkan untuk pertandingan ini **hendaklah karya asli peserta dan tidak pernah diterbitkan**. Ianya hendaklah berdasarkan tema “Sarawak Cemerlang” (Tema “Sarawak Cemerlang” meliputi kecemerlangan negeri Sarawak dalam pelbagai bidang khususnya diperingkat negara ataupun antarabangsa). Anda dikehendaki menjurus kepada satu bidang yang di minati. Misalnya dalam bidang pendidikan, sukan, “gaming”, seni dan sebagainya.
- 2 **Tiada had untuk penyertaan pertandingan.** Peserta boleh menghantar seberapa banyak video singkat.
- 3 Produksi video boleh menggunakan **pelbagai Bahasa (dialek sarawak)** termasuk **Bahasa Inggeris** dan penggunaan **sari kata atau subtitle** adalah **dibenarkan**.
- 4 Penyertaan terbuka kepada **individu/kumpulan**. Peserta **dibenarkan untuk mendaftar sebagai individu yang mewakili Sekolah atau Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta**.
- 5 Peserta **di bawah umur 18 tahun** hendaklah mendapat kebenaran dan **diiringi bersama Penjaga (Ibu,Bapa,dll.)**

- 7 Sekiranya hasil karya yang dihantar **dipilih sebagai pemenang**, peserta yang berkenaan **hendaklah menghantar fail hasil karya beresolusi tinggi kepada pihak penganjur**. Kegagalan untuk berbuat demikian akan mengakibatkan hasil karya tersebut tidak termasuk dalam aktiviti tertentu seperti publisiti.
- 8 Format dan perincian hasil karya (*final video*) adalah seperti berikut:
Resolusi : 1920 x 1080p
Format : MP4 / AVI
Orientasi : Horizontal / Wide / Landskap
Video Singkat : 2-3 minit
- 9 Fail digital hasil karya yang dihantar bagi tujuan pertandingan ini perlu **dinamakan dengan nama penuh peserta dan diikuti dengan tajuk**.

Contoh : arif arfan_sarawak dihatiku

- 10 Peserta hanya **dibenarkan merakam video menggunakan telefon pintar (smartphone)** dan kelengkapan **video seperti mobile phone gimbal dan tripod**.
- 11 **Aplikasi (apps) untuk suntingan/editing** hanya dibenarkan menggunakan **mana-mana aplikasi dari telefon pintar (smartphone) sahaja**. Aplikasi suntingan boleh dimuat turun dari **Google Play Store (Android)** atau **Apple Store (IOS)**.
- 12 **Tarikh tutup penyertaan** pertandingan **adalah 23 Ogos 2020 (Ahad)**.
- 13 **Pemenang pertandingan akan diumumkan pada 31 Ogos 2020 (Isnin) melalui telesidang (LIVE/Poster) di Facebook Pustaka Negeri Sarawak.**
- 14 Pihak penganjur **berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap** dan penyertaan yang dihantar selepas dari tarikh tutup penyertaan.
- 15 Keputusan Pihak Penganjur dan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat dan segala bentuk komunikasi tidak akan dilayan. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan keputusan pemenang yang didapati melanggar syarat-syarat dan terma pertandingan tanpa perlu memberi sebarang notis kepada mana-mana pihak.
- 16 Panel juri berhak untuk menyingkir sesuatu hasil karya yang berunsur provokasi, politik, atau menyentuh sensitiviti sesuatu kaum, agama dan

fahaman.

- 17 Panel juri berhak untuk menyingkir sesuatu hasil karya yang didapati bersifat lucah, jelik atau tidak wajar.
- 18 Hasil karya hendaklah dihantar kepada pihak penganjur dalam format **MP4/AVI (video format)**. Fail video yang **telah dimuatnaik ke laman file hosting (googledrive, dropbox, wetransfer)** hendaklah dihantar menerusi **email videosingkatpustakanegeri2020@gmail.com** bersama maklumat peserta seperti contoh di bawah:

-----**CONTOH**-----

Nama Peserta/kumpulan	:	Arif Arfan / Sarawak Mansang
Telefon	:	012 888 7878
Alamat Emel	:	arif88@gmail.com
Tajuk Video	:	Sarawak diHatiku
Pautan Video	:	https://drive.google.com/drive/folders/SDKU

HAK MENGGUNA

- 1 Peserta berhak mengekalkan hak milik ke atas hasil karya yang dipertandingkan, namun peserta hendaklah bersetuju untuk memberi hak mutlak kepada Pihak Penganjur PUSTAKA NEGERI SARAWAK untuk mengguna, menghasilkan semula, menyunting, mempamer, menyiarkan, menjadikannya sebagai sumber, mengubahsuai, dan menerbit ke seluruh dunia dan untuk apa-apa tujuan, yang tidak boleh ditarik balik, berasutan, dan bebas dari sebarang royalti.
- 2 Peserta tidak dibenarkan untuk memperniaga hasil karya untuk apa-apa tujuan melainkan pemenang keseluruhan pertandingan telah diumumkan oleh pihak penganjur.
- 3 Setiap penyertaan yang diterima tidak akan dikembalikan dan hasil karya yang telah dihantar untuk penyertaan kepada pihak penganjur tidak dibenarkan untuk menyertai pertandingan yang lain.

HADIAH DAN KEPUTUSAN PERTANDINGAN

1. **Hadiyah Utama (Grand Prize): Mac Book Air 13 inci**
Hadiyah Pertama = RM500 x 5 pemenang
Hadiyah Kedua = RM400 x 5 pemenang
Hadiyah Ketiga = RM300 x 5 pemenang
Hadiyah Keempat = RM200 x 5 pemenang
Hadiyah Sagu hati = RM100 x 20 pemenang

2. Dengan menyertai Peraduan ini, **peserta dianggap telah bersetuju bahawa jika dipilih sebagai pemenang, nama peserta boleh didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga oleh Pihak Pengajur semasa menyediakan senarai nama-nama pemenang apabila diminta.**

PINDAAN TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

- 1 Pihak pengajur **berhak untuk meminda terma dan syarat pertandingan ini pada bila-bila masa**, sekiranya perlu.